



Ruj. Kami : KKM.600-11/4/2 Jld 3 (22)

Tarikh : 22 Mei 2018

PERINGATAN

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

KAWALAN TERHADAP IKLAN PERUBATAN DI BAWAH AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956 (AKTA 290)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Akta 290) yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia mengawal semua jenis pengiklanan berkaitan ubat-ubatan, produk kesihatan dan premis yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perubatan.

3. Bahagian ini mendapati iklan berkaitan perubatan samada mengenai ubat atau perkhidmatan telah disiarkan meliputi di semua medium pengiklanan iaitu samada di media cetak, media elektronik, media baharu dan lain-lain serta di premis-premis farmasi, klinik berdaftar dan lain-lain jenis premis yang dikunjungi oleh pengguna untuk mendapat perkhidmatan atau produk kesihatan. Iklan-iklan ini disiarkan bagi tujuan mempromosikan ubat-ubatan dan perkhidmatan yang disediakan kepada orang ramai.

4. **Sukacita diingatkan bahawa iklan-iklan berkaitan perubatan haruslah mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.** Di bawah Seksyen 3 Akta 290, terdapat larangan terhadap pengiklanan ubat atau produk kesihatan berkaitan pencegahan, rawatan atau diagnosis bagi 20 jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, kanser dan sebagainya (termasuk keadaan yang menggambarkan penyakit - sila rujuk jadual di lampiran). Seksyen ini juga melarang pengiklanan berkaitan amalan kontrasepsi dan memperbaiki fungsi buah pinggang, jantung dan seksual. Seksyen 4 pula melarang pengiklanan berkaitan pengguguran kandungan.

5. Seksyen 4A di bawah Akta 290 pula menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran iklan kemahiran dan perkhidmatan (*skill and services*) untuk tujuan merawat, mencegah atau mendiagnos penyakit dan keadaan tubuh manusia melainkan iklan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat. Manakala Seksyen 4B pula menyatakan tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran iklan ubat atau produk kesihatan bagi merawat atau mencegah penyakit atau keadaan manusia selain dari senarai penyakit dalam jadual melainkan iklan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat.

6. Sehubungan itu, Bahagian ini ingin menarik perhatian tuan/puan supaya memastikan bahawa semua iklan ubat dan produk kesihatan berkaitan tuntutan terapeutik/perubatan dan perkhidmatan kesihatan mestilah mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat sebelum disiarkan atau dipamerkan di premis tuan/puan **termasuk di medium internet** seperti di laman web dan media sosial serta medium baharu lain. Iklan-iklan yang telah diluluskan haruslah mempamerkan dengan jelas nombor kelulusan KKLIU pada iklan tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 7(2), Peraturan-Peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976.

7. Untuk makluman, pemeriksaan pengiklanan ke atas premis tuan/puan dan medium internet berkaitan akan dijalankan dari semasa ke semasa. Kegagalan tuan/puan mematuhi undang-undang boleh menyebabkan tindakan boleh diambil terhadap pihak tuan/puan.


8. Maklumat lanjut berkaitan garis panduan dan polisi Lembaga Iklan Ubat boleh diperolehi daripada laman web www.pharmacy.gov.my (Dokumen & Media > Garis Panduan> Cawangan Penguatkuasaan Farmasi).

9. Kerjasama pihak tuan/puan di dalam perkara ini amat dihargai. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Cawangan Kawalan Iklan di talian 03-78413200 atau mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



TAN ANN LING RPh 1051
Pengarah Penguatkuasa Farmasi
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

DR/uml

s.k Pengarah Kanan Program Farmasi

Jadual di bawah Seksyen 3 Akta 290

1. Penyakit atau kerosakan berkaitan buah pinggang
2. Penyakit atau kerosakan berkaitan jantung
3. Diabetes
4. Sawan
5. Lumpuh
6. Tibi
7. Asma
8. Kusta
9. Kanser
10. Kepekakan
11. Penagihan dadah
12. Hernia
13. Penyakit-penyakit mata
14. Darah tinggi
15. Penyakit mental
16. Mandul
17. Frigiditi
18. Lemah fungsi seks
19. Penyakit venereus
20. Lemah urat saraf, atau aduan atau kelemahan lain, timbul daripada atau berhubungan dengan perhubungan seksual

SENARAI EDARAN

1. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
2. Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)
4th Floor, Bangunan MMA,
124, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
3. Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)
No 43, 2nd Floor,
Jalan Mamanda 9, Ampang Point,
68000 Ampang Selangor
4. Presiden
Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)
No.9-1 Suria Jelutong,
Jln Bazar U8/99 Bukit Jelutong,
40150, Shah Alam, Selangor.
5. Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia" (MPCAM)
No.17-2, Jalan PJS 8/12,
Dataran Sunway Mentari,
46150 Petaling Jaya.

(Pohon tuan/puan edarkan peringatan ini kepada semua premis berdaftar di bawah kawalselia tuan/puan).